

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20073
PRINSIP PERAKAUNAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Jawab semua soalan.

1. Antara pernyataan berikut, yang manakah dapat menerangkan simpan kira? HPK1
T1
 - A. Simpan kira merekod urus niaga perniagaan secara sistematik.
 - B. Simpan kira dapat mengukur prestasi kewangan sebuah perniagaan.
 - C. Simpan kira melapor dan membuat analisis tentang maklumat kewangan.
 - D. Simpan kira membolehkan perniagaan membuat keputusan dan perbandingan.

2. Dokumen sumber yang akan dikeluarkan bagi urusniaga secara kredit adalah HPK1
T2
 - A. inouis.
 - B. memo.
 - C. resit.
 - D. bil tunai.

3. Puan Watie telah membayar Syarikat Shuib menggunakan sekeping cek. Maka Syarikat Shuib perlu mengeluarkan HPK1
T2
 - A. resit.
 - B. memo.
 - C. keratan cek.
 - D. baucer pembayaran.

4. Fungsi Buku Tunai adalah

HPK1

T2

- A. merekod semua urus niaga tunai termasuk penerimaan dan pembayaran dengan cek.
- B. mencatatkan semua belian barang niaga atau perkhidmatan secara kredit mengikut urutan tarikh.
- C. mencatatkan semua jualan barang niaga atau perkhidmatan secara kredit mengikut urutan tarikh.
- D. mencatatkan semua barang yang dipulangkan oleh pelanggan kredit atau potongan/elaun yang diberikan kepadanya.

5. Kedai Buku Mira Kazar telah membekal 30 kotak kertas A4 kepada Sekolah Abadi Sentosa. Kedai Buku Mira Kazar akan merekodkan urus niaga tersebut ke dalam

HPK1

T3

- A. Jurnal Belian.
- B. Jurnal Jualan.
- C. Jurnal Pulangan Belian.
- D. Jurnal Pulangan Jualan.

6.

Belian barang niaga secara tunai dengan Pembekal Ryan Bakeri Meletop
--

HPK1

T3

Catatan bergu bagi urus niaga di atas ialah

- A. Dt Akaun Belian
Kt Akaun Tunai
- B. Dt Akaun Tunai
Kt Akaun Belian
- C. Dt Ryan Bakeri Meletop
Kt Akaun Belian
- D. Dt Akaun Belian
Kt Ryan Bakeri Meletop

7. Dua jenis lejar utama dalam sistem catatan bergu adalah

HPK1

T4

- A. Lejar Tunai dan Lejar Am.
- B. Lejar Jualan dan Lejar Belian.
- C. Lejar Am dan Lejar Khas (Subsidiari).
- D. Lejar Bank dan Lejar Khas (Subsidiari).

8. Definisi yang tepat bagi Lejar Am adalah

HPK1

T4

- A. buku akaun utama untuk merekod semua urus niaga perniagaan.
- B. buku akaun utama yang merekod semua akaun kecuali Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.
- C. buku akaun yang digunakan untuk merekod semua urus niaga secara kredit yang melibatkan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.
- D. merekod pembayaran perbelanjaan kecil seperti belanja pos, alat tulis, belanja am dan tambang.

9. Pemilik tudung HADEERA telah mengeluarkan pelbagai koleksi tudung eksklusif untuk dihadiahkan kepada para stokis yang telah berjaya mencapai target. Apakah akaun yang terlibat bagi urus niaga tersebut?

HPK1

T4

	Akaun Didebit	Akaun Dikredit
A.	Ambilan	Modal
B.	Ambilan	Belian
C.	Belanja promosi	Belian
D.	Ambilan	Belanja promosi

10. Akaun-akaun berikut diperoleh daripada Syarikat Erni Zakri

HPK1

T4

Syarikat Aina Abdul				
		202x		RM
	Mei	9	Belian	1,280.00

Akaun Belian				
202x			RM	
Mei	9	Syarikat Aina Abdul	1,280.00	

Apakah urus niaga yang telah berlaku?

- A. Belian secara kredit daripada Syarikat Aina Abdul sebanyak RM1,280.00.
- B. Belian secara tunai daripada Syarikat Aina Abdul sebanyak RM1,280.00.
- C. Pulangan barang niaga kepada Syarikat Aina Abdul sebanyak RM1,280.00.
- D. Pulangan barang niaga daripada Syarikat Aina Abdul sebanyak RM1,280.00.

11. Apakah fungsi Imbangan Duga?

HPK1

T5

- A. Menghitung jumlah modal.
- B. Menyemak ketepatan catatan bergu.
- C. Mengira untung kasar dan untung bersih.
- D. Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.

12. Akaun manakah yang disenaraikan dalam ruangan debit Imbangan Duga?

HPK1

T5

- I. Tunai
- II. Bank
- III. Jualan
- IV. Belian

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV
- D. I, III dan IV

13. Belanja terakru merupakan

HPK1

T6

- A. belanja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan.
- B. belanja bagi tempoh perakaunan semasa tetapi bayaran belum dijelaskan.
- C. belanja yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti utama perniagaan.
- D. belanja bagi tempoh perakaunan akan datang tetapi bayaran telah dijelaskan dalam tempoh perakaunan semasa.

14. Hasil terdahulu adalah

HPK1

T6

- A. hasil yang diterima daripada aktiviti utama perniagaan.
- B. hasil yang diterima daripada aktiviti yang berkaitan secara tidak langsung dengan aktiviti utama perniagaan.
- C. hasil bagi tempoh perakaunan semasa tetapi wang tunai belum diterima dalam tempoh perakaunan semasa.
- D. hasil bagi tempoh perakaunan akan datang tetapi wang tunai telah diterima dalam tempoh perakaunan semasa.

15. Berikut adalah sebab-sebab aset bukan semasa mengalami susut nilai.

HPK1

T6

- I Susutan
- II Model lama
- III Peredaran cuaca
- IV Haus/kerosakan fizikal

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

16. Berikut adalah kaedah pengiraan susut nilai.

HPK1

T6

- I Ansuran
- II Garis Lurus
- III Penilaian semula
- IV Baki berkurangan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

17. Penyata Pendapatan disediakan bagi

HPK1

T7

- A. menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan bagi tempoh perakaunan tertentu.
- B. mengetahui untung atau rugi sesebuah perniagaan dalam suatu tempoh perakaunan tertentu.
- C. merekod semua butir yang berkaitan secara langsung dengan pembelian dan penjualan barang niaga.
- D. mengetahui untung atau rugi bersih sesebuah perniagaan pada akhir tempoh perakaunan.

18. Untung Bersih diperoleh apabila HPK1
T7
- A. nilai hasil melebihi daripada nilai belanja.
 - B. nilai hasil kurang daripada nilai belanja.
 - C. nilai hasil ditambah dengan nilai belanja.
 - D. nilai hasil operasi ditambah dengan nilai hasil bukan operasi.
19. Belian bersih diperoleh apabila HPK1
T7
- A. nilai belian operasi ditambah dengan nilai belian bukan operasi.
 - B. nilai belian operasi ditolak dengan nilai belian bukan operasi.
 - C. nilai belian ditolak dengan nilai pulangan belian.
 - D. nilai belian ditambah dengan nilai jualan.
20. Tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut HPK1
T7
KECUALI
- A. menunjukkan kemampuan perniagaan menjelaskan liabiliti semasa.
 - B. menunjukkan baki aset dan liabiliti perniagaan pada suatu tempoh tertentu.
 - C. memastikan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan pada tempoh perakaunan tertentu.
 - D. mengetahui untung atau rugi sesebuah perniagaan dalam suatu tempoh perakaunan tertentu.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Jawab semua soalan.

Soalan 1HPK1T1

a) Nyatakan definisi bagi istilah yang berikut:

i. Perakaunan

[2 markah]

ii. Simpan kira

[2 markah]

HPK1T2

b) i. Terangkan diskaun tunai beserta rumus bagi diskaun tunai.

[3 markah]

ii. Terangkan diskaun niaga beserta rumus bagi diskaun niaga.

[3 markah]

HPK1T3

c) i. Huraikan fungsi Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit.

[4 markah]

ii. Terangkan **TIGA (3)** jenis Buku Catatan Pertama yang berikut:

a. Jurnal Am

[2 markah]

b. Jurnal Belian

[2 markah]

c. Buku Tunai

[2 markah]

Soalan 2

a) Terangkan **TIGA (3)** jenis lejar yang berikut:

- i. Lejar Am
- ii. Lejar Jualan
- iii. Lejar Belian

HPK1T4

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

b) Selesaikan urus niaga di bawah mengikut konsep catatan bergu.

	Urus niaga	Debit	Kredit
Contoh	Beli perabot berharga RM3,500 daripada Pusat Perabot Memey secara kredit.	Akaun Perabot	Pusat Perabot Memey
1.	Jualan secara tunai RM500.		
2.	Jualan sebanyak RM1,000 melalui akaun bank.		
3.	Bayar sewa premis dengan tunai RM1,000.		

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

c) Nyatakan **EMPAT (4)** fungsi Imbangan Duga.

HPK1T5

[4 markah]

d) Terangkan **DUA (2)** kesilapan dalam penyediaan Imbangan Duga.

[4 markah]

Soalan 3

a) Terangkan maksud pelarasan yang berikut:

HPK1

T6

i. Hasil Terdahulu

[2 markah]

ii. Hasil Terakru

[2 markah]

iii. Belanja Terakru

[2 markah]

b) Terangkan definisi susut nilai.

[2 markah]

c) Terangkan definisi-definisi yang berikut:

HPK1

T7

i. Penyata Pendapatan

[2 markah]

ii. Hasil

[2 markah]

iii. Belanja

[2 markah]

iv. Penyata Kedudukan Kewangan

[2 markah]

v. Aset Semasa

[2 markah]

vi. Aset Bukan Semasa

[2 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab